

## BAHAGIAN A: SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

- 1 *Baca petikan di bawah dengan teliti dan senaraikan dua kata majmuk dan dua akronim. Kemudian anda dikehendaki membina satu ayat anda sendiri daripada setiap perkataan yang dipilih untuk menunjukkan bahawa anda faham akan maksud dan penggunaannya. Anda tidak boleh menambahkan imbuhan, menukar imbuhan atau menggunakan perkataan itu sebagai peribahasa atau nama khas.*

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan sebagai usaha membendung pandemik pastinya memberikan kesan yang positif terhadap penyebaran virus korona. Namun begitu, hal ini sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada rakyat kerana terpaksa berkurng di rumah. Oleh hal yang demikian, berpusu-pusuh orang ramai mengambil kesempatan makan angin apabila kebenaran merentas negeri diumumkan. Purata rakyat Malaysia yang merentas negeri mencecah lebih 1 juta. Walau bagaimanapun, hal ini bukan bermakna kita boleh memandang remeh Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan. Sebagai masyarakat yang bertanggungjawab, kita perlu memahami konsep ‘bercuti dalam norma baharu’ kerana keadaan tempat percutian sentiasa sesak, seperti di pawagam dan pusat beli-belah.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Bercuti dalam Kebiasaan Baharu'  
oleh Prof. Dr. Noraziah Mohamad Zin,  
*Dewan Siswa, Bil.12/2021.*

[8 markah]

**Jawaban yang diberikan dalam skema:**

### Soalan 1 - Morfologi

#### Kata majmuk

Bil.	Jawapan contoh	Penjelasan
i.	makan angin	Kata majmuk (simpulan Bahasa) Maksud: bersiar-siar
ii.	Memandang remeh	Menganggap tidak penting
iii.	Pusat beli-belah	Tempat jualan pelbagai barang
iv.	bertanggungjawab	Kata majmuk mantap
v.	Merentas negeri	Keluar negeri

#### Akronim

Bil.	Jawapan contoh	Penjelasan
i.	Purata	pukul rata maksud: nilai yang diperoleh
ii.	pawagam	Panggung wayang gambar
iii.	PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
iv.	SOP	Prosedur Operasi Standard

**[Maksimum : 8 markah]**

**Kata majmuk yang disenaraikan dalam skema jawaban boleh diterima. Walau bagaimanapun, sebenarnya terdapat dua lagi kata majmuk, iaitu**

**vi. Perintah Kawalan Pergerakan**

**vii. Prosedur Operasi Standard**

**(istilah khusus)**

**Untuk jawaban bahagian akronim, PKP dan SOP BUKAN akronim dan harus DIBATALKAN.**

**Hal ini dikatakan demikian kerana akronim merupakan gabungan huruf pertama, suku kata pertama, atau sebahagian daripada suku kata setiap perkataan yang digabungkan untuk membentuk satu perkataan yang dapat diujarkan.**

**PKP tiada suku kata, tidak dapat diujarkan sebagai satu perkataan, hanya disebut huruf demi huruf BUKAN AKRONIM**

**SOP TIDAK DISEBUT sebagai “Sop” dengan suku kata tunggal, sebaliknya disebut huruf S-O-P. Lagipun, SOP ialah singkatan bagi *Standard Operating Procedure* dalam bahasa Inggeris. Dalam bahasa Melayu, Prosedur Operasi Standard TETAPI kita tidak menulisnya dan menyebutnya sebagai POS (bunyi “pos” dalam pejabat pos”). Maka, jelas bahawa SOP juga BUKAN AKRONIM.**

## SOALAN 2

- 2 Baca petikan di bawah dengan teliti. Tukarkan ayat yang bergaris kepada **ayat pasif** tanpa mengubah maksud asalnya.

Kepentingan ilmu kewangan dalam kalangan anak-anak sedari kecil tidak harus dipandang ringan. Ibu bapa perlu menerapkan ilmu kewangan dalam diri anak seawal empat tahun. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan generasi muda yang bijak wang, sekali gus mampu mengurus kehidupan mereka dengan baik pada masa hadapan. Selain itu, pendidikan kewangan dapat memupuk rasa tanggungjawab. Sebagai contoh, kanak-kanak di negara Eropah melakukan aktiviti menjual makanan dan minuman bagi mengumpul wang saku. Dengan hasil jualan ini, mereka dapat membeli sesuatu barang yang dikehendaki. Secara langsung, mereka turut memahami bahawa wang merupakan alat tukaran bagi mendapatkan sesuatu.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Sentiasalah Beringat demi Masa Depan'  
oleh Yusraida Yusof,  
*Dewan Siswa*, Bil. 09/2020

[6 markah]

### Soalan 2 : Sintaksis

Bil.	Ayat Aktif	Ayat Pasif
i	Ibu bapa perlu menerapkan ilmu kewangan dalam diri anak seawal empat tahun.	Ilmu kewangan perlu diterapkan oleh ibu bapa dalam diri anak seawal empat tahun.
ii.	Pendidikan kewangan dapat memupuk rasa tanggungjawab	Rasa tanggungjawab dapat dipupuk oleh pendidikan kewangan.
iii.	Mereka dapat membeli sesuatu barang yang dikehendaki	Sesuatu barang yang dikehendaki dapat dibeli oleh mereka. .

[Maksimum : 6 markah]

**SOALAN DAN JAWABAN** bahagian Sintaksis TEPAT. Tiada Pembetulan/Pemurnian. Jawaban dengan variasi lain **TIDAK DITERIMA**.

Contoh: (i) Ilmu kewangan dalam diri anak perlu diterapkan oleh ibu bapa seawal empat tahun. (**SALAH**) – Tidak boleh diterima. “dalam diri anak” ialah unsur keterangan, bukan sebahagian daripada objek kepada kata kerja transitif “menerapkan”.

### SOALAN 3

#### Bahan 1

## MOHAMAD FAHIM BIN IRSYAD



### Anugerah

- ↓ Dinobatkan sebagai Tokoh [REDACTED] semasa Kem Pengawas Peringkat Negeri
- ↓ Pencapaian Terbaik PT3 Peringkat Sekolah
- ↓ [REDACTED] sebagai Tokoh Kokurikulum Terbaik



### Kesatria

- ↓ Johan Pertandingan Bicara Berrima Bahasa Melayu Peringkat Negeri
- ↓ Naib Johan Kejohanan Memanah MSSD
- ↓ Kursus Kenaikan Pangkat Siswa [REDACTED] Kor Kadet Polis Peringkat Negeri Selangor



### Potensi Diri

- ↓ Mesra dan mudah bersosialisasi dalam kumpulan
- ↓ Berani berucap pada malayak ramai
- ↓ Bersedia melakukan tugas sebagai sukarelawan
- ↓ Bersedia menerima tanggungjawab untuk memimpin
- ↓ Boleh memotivasi diri



### Kemahiran Bahasa

- ↓ Bahasa Melayu
- ↓ Bahasa Inggeris
- ↓ Bahasa Jerman



### Kemahiran Teknologi Maklumat

- ↓ Mahir menggunakan perisian Microsoft Office
- ↓ Mahir menggunakan perisian Adobe Photoshop
- ↓ Mampu menghasilkan video [REDACTED]

### Rujukan

Puan Zarina binti Zainal (019-1234567)  
Guru Tingkatan 4 Berlian  
SMK Sri Impian



[5 markah]

Jawaban yang diberikan dalam skema:

**Bahan 1**

Bil	Kesalahan bahasa	Pembetulan
i.	ko-kurikulum	kokurikulum
ii.	kepimpinan	pemimpin
iii.	bekerja sama	bekerjasama
iv.	pada	di
v.	kreativiti	kreatif

[Maksimum : 5 markah]

**Cadangan Pemurnian**

Bil	Kesalahan Bahasa	Pembetulan	Catatan untuk Guru
i	Tokoh Kepimpinan Muda	Tokoh Pemimpin Muda/ Tokoh Kepimpinan Cemerlang	Sebenarnya, ini BUKAN kesalahan yang KETARA.
ii	Dianugerahkan	Dianugerahi	<p>Sila perhatikan perbezaan antara “dianugerahkan” dengan “dianugerahi” :</p> <p>Tokoh Kokurikulum Terbaik <u>dianugerahkan</u> kepada Mohamad Fahim bin Irsyad.</p> <p>Mohamad Fahim bin Irsyad <u>dianugerahi</u> Tokoh Kokurikulum Terbaik.</p> <p>Maka, jelas dalam konteks ini, yang gramatis ialah “dianugerahi”.</p>
iii	bekerja sama	bekerjasama	-
iv	pada khalayak	di hadapan khalayak di depan khalayak	“khalayak” bermakna “orang ramai”, frasa yang gramatis ialah “di hadapan khalayak” walaupun biasanya kita mendengar orang sebut “di khalayak”
v	Ko-Kurikulum	Kokurikulum	
vi	Sub-Inspektor	Subinspektor	“sub-” ialah imbuhan pinjaman.
vii	kreativiti	kreatif	

(Cadangan: Pemeriksa memberikan markah untuk mana-mana 5 jawaban yang betul)

## Bahan 2

Pelancongan pendidikan [ ] program yang melibatkan perjalanan ke sesuatu lokasi oleh sekumpulan individu untuk n [ ] pengalaman dan mendapatkan ilmu. Pelancongan pendidikan berpotensi besar sebagai suatu bidang pasaran baharu dalam agenda ekonomi Malaysia. Fa [ ] pelancongan pendidikan di Malaysia antaranya penawaran pendidikan berkualiti tinggi, kepelbagaiannya pilihan kursus, yuran penggajian yang berpatutan, serta aplikasi teknologi pendidikan yang meluas. Kestabilan politik dan pertumbuhan ekonomi yang [ ] juga merupakan asas penting di [ ] merealisasikan Malaysia sebagai pusat pelancongan pendidikan yang popular di rantau Asia Pasifik. Para pelajar asing datang ke Malaysia bukan sahaja untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti malahan mereka juga mengambil peluang ini untuk melancong di sekitar Malaysia. Platform terbaik kerajaan Malaysia sediakan supaya pelajar asing dapat mengenali tradisi dan kebudayaan negara di Asia.

Jawaban yang diberikan dalam skema:

### Bahan 2

Bil	Kesalahan bahasa	Pembetulan
i.	adalah	ialah
ii.	faktor	Faedah/ manfaat/ kebaikan/ kelebihan/ kepentingan
iii.	penggajian	pengajian
iv.	memberangsangkan	memberangsangkan
v.	paling termasyhur	termasyhur/ paling masyhur
vi.	kerajaan Malaysia sediakan	disediakan oleh kerajaan Malaysia

[Maksimum : 6 markah]

Cadangan Pemurnian Jawaban:

Bil	Kesalahan Bahasa	Pembetulan	Catatan (untuk guru)
i	adalah	ialah	Ialah + frasa nama Adalah + frasa sendi nama/ frasa adjektif
ii	membina	menimba	Kesalahan penggunaan kata
iii	faktor	Faedah/ manfaat/ kebaikan/ kelebihan/ Kepentingan	Pilih mana-mana SATU
iv	penggajian	pengajian	Kesalahan ejaan

v	memberangsangkan	memberangsangkan	Kesalahan ejaan
vi	dalam merealisasikan	untuk merealisasikan/ dalam usaha merealisasikan	“dalam” ialah kata sendi nama. Kata sendi nama WAJIB diikuti kata nama sahaja. Oleh itu, sepatutnya kata hubung keterangan “untuk” digunakan. Sebagai alternatif, “dalam usaha merealisasikan” juga diterima kerana “usaha” ialah kata nama. TIDAK TERIMA “demi merealisasikan” kerana “demi” ialah kata sendi nama, BUKAN kata hubung.
vii	paling termasyhur	termasyhur / paling masyhur	Kedua-dua “paling” dan “ter-” ialah darjah penghabisan kata adjektif
viii	kerajaan Malaysia sediakan	disediakan oleh Kerajaan Malaysia	“Kerajaan Malaysia” ialah kata ganti nama diri ketiga.  *sebenarnya, “k” dalam Kerajaan Malaysia mesti dieja huruf besar kerana dalam konteks ini, “Kerajaan Malaysia” ialah nama khas. Walau bagaimanapun, tiada masalah sekiranya calon mengejanya huruf kecil kerana ini kesalahan pada soalan asal.

(Cadangan: Pemeriksa memberikan markah untuk mana-mana 6 jawaban yang betul)

#### **SOALAN 4**

Hatta berapa lamanya maka datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaran khabarnya ke Melaka; maka dipersembahkan orang kepada Sultan. Maka baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja berlengkap akan mengeluari orang Siam.

**Jawaban yang diberikan dalam skema:**

*Setelah beberapa lama kemudian, orang Siam menyerang Melaka; nama panglimanya, Awi Dicu. Tersebar berita ke Melaka; lalu berita tersebut disampaikan orang kepada Sultan. Baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja bersiap-siap dengan kelengkapan perang untuk mengusir/menghalau orang Siam.*

**[Maksimum : 6 markah]**

**Jawaban yang berikut juga diterima dan LAYAK memperoleh markah MAKSIMUM:**

**Tidak beberapa lama kemudian**, datang pula orang Siam menyerang Melaka; Awi Dicu nama panglimanya. Kedengaran khabar **Awi Dicu** ke Melaka; maka disampaikan orang kepada Sultan. Baginda pun menitahkan Bendahara Paduka Raja **bersiap-siap untuk menghalau** orang Siam.

**SOALAN 5 – PERIBAHASA** – Tiada masalah dengan soalan dan jawaban yang diberikan.